

MURAJA'AH HAFAZAN AL-QURAN DI ANTARA TANGGUNGJAWAB ATAU BEBAN

Pendahuluan

Al-Quran merupakan wahyu Ilahi yang menjadi sumber rujukan utama umat Islam sepanjang zaman. Al-Quran dijamin kekal sejak mula diturunkan. Allah SWT memberi jaminan agama Islam akan terpelihara melalui umatnya, iaitu dengan cara memudahkan mereka menghafaz al-Quran secara tekun dan tepat di dalam dada. Firman Allah SWT dalam surah al-Qamar ayat 17:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْءَانَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُّذَكَّرٍ

Maksudnya: Dan demi sesungguhnya, Kami telah mudahkan al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?

Hal ini menunjukkan tahfiz al-Quran merupakan salah satu kaedah menjaga keaslian al-Quran sehingga akhir zaman. Semenjak al-Quran diturunkan, Rasulullah SAW menerima dengan teliti ayat-ayat Allah yang disampaikan oleh malaikat Jibril lalu baginda menghafaznya dengan tekun tanpa lupa (surah al-A'la: 6). Ayat-ayat yang tersemat kukuh dalam diri Rasulullah SAW kemudiannya disampaikan pula kepada para sahabat yang turut menghafaznya serta sebahagian sahabat baginda menulisnya (Al-Dibba', 1990). Demikianlah al-Quran itu terpelihara daripada satu generasi kepada generasi umat ini yang berusaha menghafaznya dengan tekun tanpa mudah lupa (Al-Habash, 1987). Implikasinya al-Quran terjamin daripada sebarang perubahan dan penyelewengan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُوَ لَحْفَظُونَ

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Di samping itu, Imam al-Sayuti (1987) menjelaskan tujuan Allah SWT memudahkan pembacaan dan hafazan al-Quran adalah untuk mencegah terputusnya jumlah kemutawatiran al-Quran. Pengajian tahfiz turut merupakan tradisi keilmuan Islam yang dimulakan sebagai pendidikan awal atau asas kepada para ilmuan Islam (Mohd Gunawan, 2019). Tradisi menghafaz al-Quran ini akan terus menjadi keutamaan umat Islam dalam memelihara keaslian al-Quran sebagaimana ia diturunkan.

Di Malaysia, sistem pembelajaran tahfiz secara formal telah bermula sejak tahun 1960 apabila kelas tahfiz al-Quran ditubuhkan di masjid Negara (Muriyah & Abdul Hafiz, 2015). Antara matlamat utama pembelajaran tahfiz diwujudkan adalah untuk melahirkan para *huffaz* yang menguasai dan mengingat al-Quran sepenuhnya 30 juzuk secara tekal di samping ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran. Kini pendidikan tahfiz telah mendapat permintaan tinggi dalam masyarakat. Pendidikan tahfiz sudah banyak ditawarkan pada peringkat sekolah menengah. Pihak kerajaan mahupun swasta telah menyediakan program pendidikan tahfiz al-Quran ini bagi memenuhi permintaan ibu bapa terhadap pendidikan tahfiz al-Quran.

Pengajian tahfiz al-Quran memerlukan kepada ketekunan, latihan yang mencukupi serta ketelitian semasa dan selepas proses menghafaz (Mohamad Marzuqi, 2018). Tiga rukun asas yang seringkali menjadi amalan para *huffaz* dalam pengajian tahfiz al-quran ialah *talaqqi*, *tasmi'* dan *muraja'ah* dalam erti kata yang lain permulaan menghafaz itu harus diperkuuhkan sehingga bila-bila selagi hayat dikandung badan. Dua rukun yang pertama dan kedua biasanya selesai di peringkat awal pengajian sehingga khatam hafazan. Manakala rukun *muraja'ah* akan berterusan bersama para *huffaz* sehingga akhir hayat mereka. Ia merupakan tanggungjawab yang dipegang oleh para *huffaz* sebagai salah satu usaha mengekalkan hafazan al-Quran di dalam dada mereka di samping mengelakkan kelupaan kepada al-Quran

Kini kita dapat iktihar peningkatan jumlah para *huffaz* amat ketara seiring dengan pertumbuhan pusat-pusat tahfiz yang banyak dalam negara kita. Kebiasaan para *huffaz* akan berada di pusat tahfiz hanya untuk tempoh tertentu. Boleh jadi ketika zaman pengajian para *huffaz* telah dilatih dengan aktiviti *muraja'ah* yang berkesan begitu juga sebaliknya. Tetapi ia bukanlah jaminan bahawa selepas tamat pengajian di pusat tahfiz kesemuanya akan terus mengingat al-Quran dengan baik dan lancar. Hal ini dikatakan kerana tanggungjawab-tanggungjawab keduniaan lain yang menjadi alasan bahawa mereka tiada kesempatan waktu untuk *muraja'ah* al-Quran.

Sebaliknya apabila kita meneliti sejarah penurunan al-Quran sehingga al-Quran itu sempurna diturunkan kita akan dapati bahawa Rasulullah SAW dan para sahabat menghafaz serta kerap *muraja'ah* al-Quran pada setiap masa dan ketika. Inilah yang menyebabkan Rasulullah dan para sahabat tidak menganggap hafazan al-Quran sebagai satu bebanan malah al-Quran menjadi hiburan penyejuk jiwa ketika mana umat Islam diasak oleh kaum musyrikin dan munafikin. Apakah Rasulullah SAW dan para sahabat tidak mempunyai tanggungjawab keduniaan yang lain? Jawapannya sudah tentu tidak bahkan Rasulullah dan sahabat merupakan pejuang-pejuang yang sentiasa berdakwah menyampaikan Islam. Maka penyataan bahawa kesibukan dengan kehidupan di dunia menghalang daripada *muraja'ah* Al Quran adalah agak tersasar. Persoalannya bagaimanakah melaksanakan tanggungjawab menjaga al-Quran melalui aktiviti *muraja'ah* di samping menunaikan hak-hak keduniaan yang diperlukan. Kertas ini cuba mencadangkan empat pendekatan yang menjadi amalan Rasulullah SAW dan para sahabat sehingga mereka dapat berdamping kuat dengan al-Quran

Niat dan Kecintaan Kepada Al-Quran

Setiap satu perkara akan bernilai mengikut ketulusan niat dan kecintaan serta kecenderungan kita kepada perkara tersebut. Sebab itu kita diingatkan oleh Rasulullah SAW bahawa setiap perkara itu bermula dengan niat seperti yang dinyatakan di dalam hadith:

عن أمير المؤمنين أبي حفص عمر بن الخطاب رضي الله عنه ، قال: سمعت رسول الله صلوات الله عليه وآله وسلامه يقول: إنما الأعمال بالنيات ، وإنما لكل امريء مانوي ، فمن كانت هجرته إلى الله ورسوله ، فهو هجرة إلى الله ورسوله ، ومن كانت هجرته لدنيا يصيغها ، أو امرأة ينكحها ، فهو هجرة إلى ما هاجر إليه

Maksudnya: Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya.

(Imam Muslim : No 1908)

Selain itu Rasulullah SAW juga ketika diturunkan wahyu pertama kemudian terhenti seketika waktu menyebabkan Rasulullah berduka cita kerana terlalu rindu kepada wahyu sehingga Allah menurunkan wahyu yang seterusnya secara berperingkat-peringkat sehingga sempurna sebagaimana yang dikehendaki Allah SWT. Bukti kecintaan Rasulullah SAW terhadap al-Quran ini juga ialah Rasulullah SAW inginkan supaya al-Quran cepat masuk ke dalam dada lantas Rasulullah SAW menggerak-gerakkan lidah baginda sebelum Jibril habis menyampaikan wahyu lalu ditegur oleh Allah SWT sebagaimana disebutkan di dalam firman Allah SWT dalam surah al-Qiamah ayat 16-18:

لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ^{١٦} إِنَّ عَلَيْنَا جَمَعَهُ وَقُرْءَانَهُ^{١٧} فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ وَ^{١٨}

Maksudnya: “Janganlah engkau (wahai Muhammad) - Kerana hendakkan cepat menghafaz al-Quran yang diturunkan kepadamu - menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu) (16) Sesungguhnya Kami lah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu); (17) Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu; (18)”. (18)

Begitu juga setiap kali turun ayat maka Rasulullah SAW terus menyampaikan kepada para sahabat lalu para sahabat turut menghafaznya bahkan ayat yang dihafaz itu difahami dan diulang-ulang baca tanpa jemu. Allah SWT turut memuji tindakan yang dilakukan oleh Rasul dan para sahabat yang bertaqwa serta berpegang kuat kepada al-Quran sama ada dari sudut ingatan mahu pun amalan firman Allah dalam surah al-Dzariyat ayat 17 hingga 19:

كَانُواْ قِيلَادِ مِنَ الَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ ۝ وَبِالْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ۝ وَفِي أَمْوَالِهِمْ حَقٌّ
لِّسَاءِلٍ وَالْمَحْرُومٍ ۝

Maksudnya: «Mereka sentiasa mengambil sedikit sahaja: masa dari waktu malam, untuk mereka tidur(17) Dan pada waktu akhir malam (sebelum fajar) pula, mereka selalu beristighfar kepada Allah (memohon ampun)(18) Dan pada harta-harta mereka, (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)(19)»

Justeru para *huffaz* harus sedar dan sentiasa mentajidikan niat serta menanamkan cinta yang kuat terhadap al-Quran serta beramal denganya sebagai salah satu wadah untuk mengekalkan hafazan al-Quran di dalam dada.

Malam dan Qiam

Waktu malam adalah sesuatu yang amat istimewa yang juga menjadi tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Allah menciptakan malam dengan sifatnya yang tertentu sesuai dengan keperluan manusia walaupun secara natural waktu malam waktu rehat dan tidur namun Dalam beberapa ayat al-quran Allah menyatakan kelebihan menghidupkan malam sepertimana firman Allah dalam surah al-Muzammil ayat 2 hingga 6 :

فِي الْأَلَيْلِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٢﴾ نِصْفَهُ أَوْ نُفُضُّ مِنْهُ قَلِيلًا ﴿٣﴾ أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِيلُ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴿٤﴾ إِنَّا
سَنُنْقِي عَلَيْكَ قَوْلًا شَقِيلًا ﴿٥﴾ إِنَّ نَاسَةَ الْأَلَيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْأَةً وَأَقْوَمُ قَلِيلًا ﴿٦﴾

Maksudnya: Bangunlah sembahyang Tahajjud pada waktu malam, selain dari sedikit masa (yang tak dapat untuk berehat)(2) laitu separuh dari waktu malam, atau kurangkan sedikit dari separuh itu(3) Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil"(4) (Sayugialah engkau dan pengikut-pengikutmu membiasakan diri masing-masing dengan ibadat yang berat kepada hawa nafsu, kerana) sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu (Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah) yang berat (kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya)(5) Sebenarnya sembahyang dan ibadat malam lebih kuat kesannya (kepada jiwa), dan lebih tetap betul bacaannya(6)

Rasulullah dan para sahabat tidak membiarkan peluang yang dikurniakan oleh Allah SWT dalam kelembutan dan kesunyian malam untuk terus mengalunkan ayat al-quran dengan penuh kesederhanaan. Suasana malam dengan alunan ayat-ayat suci al-Quran di dalam solat dalam qiam yang panjang. Ini bermaksud Rasulullah SAW dan para sahabat membacanya al-Quran dengan penuh kekhusukan diulang-ulang dalam solat. Al-quran yang dibaca di dalam solat qiam menunjukkan bahawa ia merupakan salah satu cara Rasulullah SAW dan para sahabat menzahirkan keakraban mereka dengan Kalam Allah. Lihatlah bagaimana al-Quran itu diulang-ulang baca di dalam solat yang akhirnya menatijahkan kepada kekuatan hafazan itu sendiri.

Memaknakan Ayat-Ayat Allah dalam Kehidupan

Tidak dinafikan bahawa membaca ayat al-Quran sudah dijamin pahala yang tertentu, namun kita turut dituntut untuk meneliti mentadabbur ayat yang dibaca kerana ia datang daripada pencipta Alam ini. Firman Allah dalam surah Muhammad ayat 24:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبِ أَفْفَالِهَا

Maksudnya: (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?

Oleh kerana Iman yang kukuh menyebabkan Rasul dan para sahabat patuh secara total apa yang telah diberitakan oleh Allah SWT. Semua perintah dilaksanakan dengan cara yang paling sempurna dan semua larangan Allah ditinggalkan sepenuhnya. Ayat-ayat yang menyentuh tentang kehidupan di dunia ini diamalkan dalam kehidupan seharian para sahabat. Daripada kehidupan yang penuh kegelapan dan kejahilan kepada kehidupan yang bercahaya disuluh oleh al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 1:

الرَّ كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ لِتُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلْمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِ رَبِّهِمْ
إِلَى صَرَاطِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

Maksudnya: *Alif, Laam, Raa'*. Ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan dia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman - dengan izin Tuhan mereka - ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji

Rasulullah dan para sahabat menunjukkan tingkah laku yang dianjurkan oleh al-Quran Hal ini dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Aisyah RA:

وَعَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: كَانَ خُلُقُ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ

Maksudnya: Dari Aisyah RA, katanya: Akhlak nabi ﷺ adalah al-Quran.

(Riwayat Muslim)

Oleh itu apabila ayat-ayat yang dihafaz oleh para *huffaz* dapat dimaknakan dalam bentuk tingkah laku sepetimana yang dianjurkan oleh al-Quran maka ia merupakan salah satu proses *muraja'ah* untuk mengukuhkan al-Quran di dada

Zikir Al-Quran

Orang beriman digesa untuk terus menerus memperbanyakkan Zikrullah. Firman Allah SWT surah al-Ahzab ayat 41:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُو اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, (untuk bersyukur kepada Allah) ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya;

Zikir yang sebenar dengan penuh yakin boleh membawa kepada ketenangan hati sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ra'd ayat 28:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَقَطَمَيْنِ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ الْأَكَبَرِ ذِكْرُ اللَّهِ تَطْمِئْنُ الْقُلُوبُ

Maksudnya: "(laitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia

Rasulullah SAW sentiasa membaca al-Quran yang sudah pasti secara hafazan sama ada ketika Baginda bermusafir ataupun bermukim, di atas kenderaan maupun sedang berjalan. Ini menunjukkan sifat Baginda yang menjadikan al-Quran itu sebagai zikir dibaca bukan sahaja pada waktu-waktu tertentu di dalam solat. Oleh kerana kuat berpegang kepada al-Quran inilah hati Rasulullah SAW dan para sahabat kental kental menghadapi cabaran daripada musuh Islam dalam menyampaikan agama Allah. Firman Allah SWT di dalam surah al-Zukhruf ayat 43:

فَاسْتَمِسْكُ بِاللَّذِي أُوحِيَ إِلَيْكَ إِنَّكَ عَلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ

Maksudnya: Dengan yang demikian, berpegang teguhlah engkau kepada Al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu; kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus

Oleh kerana al-Quran ini merupakan salah satu daripada zikir yang agung maka para *huffaz* tidak seharusnya melepaskan peluang untuk mendapatkan kenikmatan zikir melalui *muraja'ah* al-Quran

Kesimpulan

Umumnya fasa menghafaz al-Quran tidaklah selesai setelah khatamnya seseorang menghafaz 30 juzuk. Al-Quran yang dihafaz perlu sentiasa diulang-ulang baca atau murajaah sepanjang hayat. Al-Quran digambarkan oleh Rasulullah SAW seperti unta yang akan terlepas pergi sekiranya tidak ditambat dengan kemas dan rapi. Hadith Nabi SAW yang menyatakan hal demikian ialah:

عَنْ أَبِي مُوسَىٰ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ وَعَنْ نَبِيِّنَا وَصَلَّى اللَّهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "تَعَاهَدُوا هَذَا الْقُرْآنَ فَوَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ لَهُ أَشَدُ تَقْلِيلًا مِنَ الْإِبْلِ فِي عُقُلِهَا"

Maksudnya: “Pelihara al-Quran (dengan selalu membaca al-Quran itu secara tetap waktunya), sebab demi Zat yang jiwa Muhammad ada di dalam genggaman kekuasaannya, sesungguhnya al-Quran itu lebih mudah terlepasnya daripada seekor unta yang ada di dalam ikatan talinya.”

(Hadith Riwayat Muslim dlm Riyadhusolihien : No 1002)

Perkembangan yang amat baik apabila negara kita bertambah bilangan mereka yang hafiz al-Quran. Namun peratusan yang ingat dengan baik dan kemas al-Quran amat membimbangkan. Hal ini boleh dibaiki sekiranya para *huffaz* menilai semula aspek niat dan nilai kecintaan kepada al-Quran, memanfaatkan waktu malam untuk murajaah al-Quran, memaknakan ayat-ayat al-Quran dalam kehidupan serta menjadikan al-Quran sebagai zikir yang utama. Jika Nabi SAW, para sahabat serta *salafussoleh* telah membuktikan al-Quran dapat kekal di dalam dada sehingga akhir hayat mereka, maka tidak mustahil kita juga boleh mengekalkan ayat-ayat yang dihafaz daripada mudah terlucut tanpa rasa terbeban tetapi dengan penuh tanggungjawab dengan mempraktikkan empat pendekatan yang dibahaskan dalam kertas ini.

Disediakan oleh:

PROF MADYA DR. MOHAMAD MARZUQI ABDUL RAHIM

Jabatan Pengajian Islam

Fakulti Sains Kemanusiaan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

E-mail: marzuqi@fsk.upsi.edu.my

Rujukan

Al-Quran

Abu Al-Fida', Muhammad izzat. (2006). *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.

Al-Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *At tarbiyyah fil islam aw ta'alim fi ra'yil Qabisi*.

Kaherah: Darul Fikr al-Araby.

Al-Dibba', Ali Muhammad (1990) Samir al-Talibin fi Rasm wa Dhabit al-Kitab al-Mubin.

Mesir.

Al-Habash, As-Syeikh Muhammad. (1987). *Kaifa tahfaz al-Quran*. Beirut: Dar al-Khair.

Al-Sayuti, Jalaluddin Abdul Rahman. (1987). *Al-Itqan fi ulumil Quran*. Maktabah Mustafa al-Bab al-Halaby.

Al-Zarqani (1988) *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar an-Nafais.

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2018) *Penilaian dan pengujian huffaz: satu keperluan dalam Ke arah pengiktirafan huffaz di Malaysia*. Centre of Quranic Research (CQR) Universiti Malaya & Darul Quran JAKIM

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2018) *Faktor Peneguhan Pembelajaran Hafazan Al-Quran di Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan (SMTRD)*. Laporan Projek Penyelidikan GPU UPSI.

Mohd Gunawan Che Abd Aziz (14 Jan 2019) *Hafaz al-Quran asas tradisi ilmu Islam*. Berita Harian

Muriyah Abdullah dan Abdul Hafiz Abdullah. "Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Suatu Sorotan Sejarah." In International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship, Tanjung Malai, Langkawi. 2015.